

13 NOV 1997

AHLI KONGRES DIGESA TERIMA PENJELASAN MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Ahli-ahli kongres Amerika yang mendesak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memohon maaf atau meletakkan jawatan kerana kononnya mengeluarkan kenyataan yang mengaitkan kejatuhan mata wang dengan konspirasi Yahudi perlu menerima penjelasan beliau mengenai perkara itu.

Gerakan Keadilan Dunia Antarabangsa (JUST) berkata ahli kongres berkenaan perlu menerimanya demi kepentingan hubungan baik antara negara mereka dengan Malaysia.

Presiden JUST, Prof Chandra Muzaffar berkata desakan ahli kongres berkenaan mencerminkan sikap angkuh mereka yang berada di Capitol Hill.

"Mereka telah berlagak angkuh seolah-olah mempunyai hak untuk melantik dan menyingkir pemimpin-pemimpin di Selatan; menetapkan negara yang boleh berdagang dengan mereka; menetapkan negara-negara tertentu yang boleh dilawati atau tidak, mengarahkan sesebuah negara yang berdaulat agar menjual senjata kepada negara-negara tertentu dan sebaliknya," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata sekiranya ahli-ahli kongres Amerika itu memahami sebenarnya tentang demokrasi, mereka akan faham hakikat bahawa Dr Mahathir merupakan seorang ketua kerajaan yang dipilih secara demokrasi.

Prof Chandra berkata dengan mencabar hak Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri sebuah negara yang merdeka dan berdaulat adalah mencabar hak sebuah kerajaan yang dipilih secara demokrasi untuk memerintah. -- Bernama

MNY oba